

GP027 GP

GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA



GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA



**JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
2012**

Cetakan Pertama 2012

© Hak cipta

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hak cipta terpelihara

Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau pun dipindahkan
dalam sebarang bentuk cara, sama ada dengan cara elektronik, gambar
rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit
terlebih dahulu.

ISBN 978-983-2839-34-7



Diterbitkan di Malaysia oleh

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tel : 03 – 2698 9211 Fax: 03 – 2692 9994

APRIL 2012

Pemberitahuan

Garis Panduan ini disediakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam (JKPTA) Bil. 2/2011 bertarikh 6 April 2011 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara.

Garis Panduan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 Disember, 2011 dan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-65 pada 21 Mac, 2012.

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan kandungan Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas.

Garis panduan ini tidak mengatasi mana-mana garis panduan lain, sama ada dari segi subjek atau pun pertapakan, yang disediakan di bawah peruntukan perundangan oleh mana-mana pihak.

Ia juga perlu dibaca bersama dengan beberapa garis panduan lain yang berkaitan yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

GLOSARI

CCC	<i>Certificate of Completion and Compliance</i> (Sijil Siap dan Pematuhan)
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i> (Tanggungjawab Sosial Korporat)
CCE	<i>Early Childhood Care and Education</i> (Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak)
EPP	<i>Entry Point Projects</i>
JK	Jabatan Kesihatan
JBPM	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
JPBD SM	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
kp	Kaki persegi
KAAC	Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KM	Kebenaran Merancang
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KTN	Kanun Tanah Negara
mp	Meter persegi
NKEA	<i>National Key Economic Area</i> (Bidang Ekonomi Utama Negara)
NKRA	<i>National Key Result Area</i> (Bidang Keberhasilan Utama Negara)
OKU	Orang Kurang Upaya
OSC	<i>One Stop Centre</i>
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PBPT	Pihak Berkuasa Perancang Tempatan
RKK	Rancangan Kawasan Khas
RT	Rancangan Tempatan
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
TASKA	Taman Asuhan Kanak-Kanak
UKBS	Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam

ISI KANDUNGAN

1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	2
3. SKOP	3
3.1 Peruntukan Perundangan dan Peraturan	3
4. DEFINISI TADIKA DAN TASKA	4
4.1 Tadika	4
4.2 TASKA	4
5. KATEGORI PREMIS BAGI PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA	5
6. PERANCANGAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA	11
6.1 Perancangan Tapak	11
6.1.1 Pematuhan Rancangan Pemajuan	11
6.1.2 Bilangan Unit Kediaman dan Nisbah Pengasuh	14
6.1.3 Lokasi dan Keadaan Tapak	15
6.2 Reka Bentuk Bangunan	17
6.2.1 Keluasan Ruang Lantai Minimum	18
6.2.2 Pencahayaan dan Pengudaraan Semula jadi	20
6.2.3 Material dan Kemasan Dalam	21

7. PROSES PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA	21
7.1 Tidak Perlu Melalui Proses Kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan	23
7.2 Melalui Proses Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan	23
8. TINDAKAN DAN PELAKSANAAN	27
8.1 Tindakan dan Pelaksanaan Mengikut Rancangan Pemajuan dan Kebenaran Merancang (KM)	27
8.2 Tindakan dan Pelaksanaan Lain Yang Perlu Diberi Perhatian	28
9. KADAR BAYARAN FI PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA	29
9.1 Kadar Bayaran Fi KM dan Pelan Bangunan	29
9.2 Kadar Bayaran Fi Pendaftaran Tadika dan TASKA	30
9.3 Kadar Bayaran Lesen Premis Perniagaan	30
10. PENUTUP	32

RUJUKAN**LAMPIRAN**

Borang Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan, Pendaftaran, Lesen Premis Perniagaan Untuk Penubuhan Tadika dan TASKA

SENARAI JADUAL

Jadual 1.0: Jenis TASKA	4
Jadual 2.0: Nisbah Penyediaan Tadika dan TASKA Mengikut Bilangan Unit Kediaman	14
Jadual 3.0: Nisbah Pengasuh dan Kanak-Kanak	14
Jadual 4.0: Keluasan Ruang Lantai Minimum Tadika	19
Jadual 5.0: Keluasan Ruang Lantai Minimum TASKA	20
Jadual 6.0: Kadar Bayaran Fi KM dan Pelan Bangunan	29
Jadual 7.0: Kadar Bayaran Fi Pendaftaran Tadika dan TASKA	30
Jadual 8.0: Kadar Bayaran Lesen Premis Perniagaan	31
Jadual 9.0: Jumlah Keseluruhan Fi Penubuhan Tadika dan TASKA	31

SENARAI RAJAH

Rajah 1.0: Contoh Konsep Penyediaan Tadika dan TASKA Secara Berintergrasi Dengan Kemudahan Masyarakat	6
Rajah 2.0: Lokasi Tadika Dalam Rancangan Pemajuan	12
Rajah 3.0: Tidak Perlu Melalui Kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan	25
Rajah 4.0: Melalui Proses Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan	26

1. TUJUAN

Garis Panduan Penubuhan Tadika dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) ini disediakan bertujuan untuk memudah cara serta memberi panduan kepada:

- i. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi teknikal dalam merancang dan menimbang permohonan pembangunan Tadika dan TASKA;
- ii. Pihak pemaju untuk menyediakan tapak dan membina Tadika dan TASKA mengikut kategori premis yang ditetapkan; dan
- iii. Pengusaha dalam proses penubuhan, pendaftaran dan permohonan lesen premis perniagaan untuk Tadika dan TASKA.

Garis panduan ini adalah:

- a. Berbentuk *way forward* untuk memenuhi keperluan dan kehendak masa hadapan serta mengambil kira parameter negara maju;
- b. Menggabungkan dan mengambilkira keperluan agensi teknikal termasuk PBT, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN);
- c. Mengiktiraf penyediaan Tadika dan TASKA sebagai tanggungjawab sosial korporat (CSR); dan
- d. Bagi memenuhi kehendak NKRA yang mana sasaran pendaftaran kanak-kanak prasekolah adalah 87% pada tahun 2012 dan 92% pada tahun 2015. Inisiatif yang dilaksanakan melalui NKEA bagi pendidikan telah memberi penekanan kepada kerjasama pihak awam dan swasta [Public-Private Partnership (PPP)] di bawah tema *Rapid Scale-Up Initiatives* melalui *Entry Point Projects* (EPP) iaitu EPP1¹ dan EPP2².

¹ EPP 1: *Scaling up early child care and education centres.*

² EPP 2: *Improving early child care and education training.*

2. LATAR BELAKANG

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam Bil. 2/2011 pada 6 April 2011 yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) antara lain telah membincangkan isu-isu berkaitan operasi dan penubuhan Tadika dan TASKA seperti berikut:

- i. Tempoh permohonan kelulusan tukar syarat, Kebenaran Merancang (KM), pelesenan dan pendaftaran yang mengambil masa terlalu lama;
- ii. Peraturan dan syarat dalam menimbang kelulusan yang tidak seragam diantara pelbagai agensi;
- iii. Fi permohonan KM, lesen premis perniagaan yang baru dan pembaharuan lesen yang tidak seragam di antara PBT;
- iv. Kewujudan operasi Tadika dan TASKA yang tidak berdaftar (operasi secara haram) di kawasan kediaman telah menyebabkan timbulnya kacau-ganggu terutamanya dari aspek lalu-lintas dan bunyi bising; dan
- v. Tapak khas Tadika dan TASKA yang dikenal pasti di dalam Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) tidak dibangunkan.

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengaduan Awam Bil. 2/2011 tersebut telah memutuskan supaya Tadika dan TASKA dikeluarkan daripada Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat (JPBD 19/97) dan disediakan satu Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA secara khusus yang meliputi aspek perancangan tapak, pelesenan dan proses penubuhan Tadika dan TASKA.

3. SKOP

Garis panduan ini adalah terpakai bagi penubuhan Tadika dan TASKA sama ada yang dijalankan oleh pengusaha Kerajaan atau swasta di seluruh Semenanjung Malaysia. Garis panduan ini disediakan dengan memberi perhatian terhadap proses penubuhan sesebuah Tadika dan TASKA mengikut kategori/jenis yang ditetapkan yang meliputi aspek perancangan tapak, penyeragaman fi, lesen dan senarai semak keperluan agensi terlibat. Garis panduan ini juga mengambil kira aspek perancangan, penyediaan kemudahan berkaitan dan perihal tanah dengan merujuk peruntukan Akta-akta berkaitan termasuk Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56].

3.1 Peruntukan Perundangan dan Peraturan

Perancangan dan penubuhan Tadika dan TASKA adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perundangan dan peraturan utama seperti berikut:

- i. Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56];
- ii. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172];
- iii. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171];
- iv. Akta Pelajaran 1961[P.U.(A)414/72];
- v. Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];
- vi. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308];
- vii. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 [UKBS, 1984];
- viii. Peraturan-Peraturan Pendidikan 1997 & 1998; dan
- ix. Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Di Institusi) 1985.

Peraturan-peraturan lain yang perlu dilihat adalah Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

4. DEFINISI TADIKA DAN TASKA

4.1 Tadika

Di bawah peruntukan Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], Tadika didefinisikan sebagai mana-mana tempat di mana pendidikan prasekolah (4 hingga 6 tahun) disediakan untuk 10 orang murid atau lebih.

4.2 TASKA

Menurut peruntukan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308], TASKA bermaksud mana-mana premis yang menerima masuk 4 atau lebih kanak-kanak di bawah umur 4 tahun dari lebih daripada satu isi rumah (2 atau lebih keluarga) untuk dijaga dengan upah.

TASKA terbahagi kepada 4 jenis seperti di Jadual 1.0.

Jadual 1.0: Jenis TASKA

Jenis	Penerangan
a. TASKA di Rumah	Menerima masuk 4 hingga 9 orang kanak-kanak dalam rumah orang yang didaftarkan.
b. TASKA di Institusi	Taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk 10 orang kanak-kanak atau lebih.
c. TASKA di Tempat Kerja	Taman asuhan kanak-kanak yang disediakan di mana-mana tempat kerja.
d. TASKA Komuniti	Taman asuhan kanak-kanak yang menerima masuk 10 orang kanak-kanak atau lebih di kawasan keluarga berpendapatan rendah (pendapatan isi rumah RM2,000.00 di kawasan bandar dan kurang RM1,200.00 di luar bandar) dan menerima bantuan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2011.

5. KATEGORI PREMIS BAGI PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA

Terdapat 4 kategori premis/tapak yang diberi pertimbangan untuk beroperasi sebagai Tadika dan TASKA iaitu :

i. Tapak Khas Yang Telah Didirikan Bangunan

Merupakan tapak khas yang telah dikenal pasti oleh sesuatu rancangan pemajuan seperti RT atau RKK dan telah didirikan bangunan sama ada oleh pihak swasta (pemaju), kerajaan ataupun individu.

ii. Tapak Khas Yang Belum Didirikan Bangunan

Merupakan tapak yang telah dikenal pasti oleh sesuatu rancangan pemajuan seperti RT atau RKK. Sila rujuk perkara 6.1.1 untuk penerangan lanjut mengenai Pematuhan Rancangan Pemajuan dan Perkara 8.1 bagi Tindakan dan Pelaksanaan Mengikut Rancangan Pemajuan dan Kebenaran Merancang.



Contoh Tadika di tapak khas.

**iii. Bangunan Tempat Kerja/Institusi/Bangunan Perniagaan/
Bangunan Berintergrasi dengan Kemudahan Masyarakat**

Tadika dan TASKA digalakkan dijalankan secara integrasi sama ada berpusat atau bertingkat di dalam satu bangunan dengan kemudahan lain seperti perpustakaan, pusat komuniti, klinik (seperti Rajah 1.0) atau di tempat-tempat kerja yang mana perlulah di aras bawah bangunan. Manakala bagi Tadika dan TASKA yang hendak dijalankan di bangunan perniagaan, ia hendaklah di aras bawah atau di aras pertama bangunan perniagaan tersebut. Ini adalah bagi tujuan kemudahsampaian, keselesaan dan keselamatan.

Tadika dan TASKA di tempat kerja, institusi, bangunan perniagaan dan bangunan berintergrasi dengan kemudahan masyarakat yang lain merupakan alternatif kepada pemaju bagi mengelakkan penyediaan Tadika dan TASKA di dalam kawasan kediaman. PBT boleh mensyaratkan untuk penyediaan ruang bagi Tadika dan TASKA di kawasan ini semasa permohonan Kebenaran Merancang oleh pemaju.

Bagi Tadika dan TASKA yang dijalankan di kawasan institusi seperti sekolah, masjid, surau atau lain-lain rumah ibadat, ia hendaklah disediakan di bangunan yang berasingan dan berpagar.

**Rajah 1.0: Contoh Konsep Penyediaan Tadika dan TASKA
Secara Berintergrasi Dengan Kemudahan
Masyarakat**





TASKA di aras bawah bangunan tempat kerja
(JPN Putrajaya, 14 Julai 2011).

iv. Di Kawasan Kediaman

Tadika dan TASKA tidak dibenarkan di lot kediaman. Namun seandainya tapak khas telah dimajukan tetapi masih tidak dapat menampung permintaan setempat maka Tadika dan TASKA boleh diberi pertimbangan di lot kediaman dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh PBT dan syarat-syarat lain seperti berikut:

- a. Mendapatkan surat persetujuan awal pemilik sah rumah berjiran yang bersempadan dengan tanah yang berhubung dengan tapak lokasi cadangan dalam jarak tidak melebihi 20 meter dari tapak lokasi cadangan, manakala dalam jarak 200 meter bagi cadangan Tadika dan TASKA di jalan mati³. Persetujuan ini hendaklah diperolehi terlebih dahulu (dengan nasihat PBT) oleh pengusaha sebelum mengemukakan bersama-sama borang permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan Pelan Bangunan.

Sekiranya terdapat keraguan terhadap surat persetujuan tersebut, PBT hendaklah mengeluarkan notis berjiran mengikut peruntukan subseksyen 21(6), Akta 172 semasa proses KM bagi mendapatkan persetujuan pemilik sah rumah yang berjiran³ serta syarat-syarat lain yang difikirkan perlu³.

- b. Untuk kediaman jenis teres, hanya lot tepi (corner lot) sahaja dibenarkan. Lot tengah (intermediate lot) atau lot hujung (end lot) tidak dibenarkan kerana tidak mempunyai kawasan lapang di samping bagi mengelakkan masalah kesesakan lalu lintas. Walau bagaimanapun, Tadika dan TASKA di premis kediaman

³ Subseksyen 21(8), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

yang terletak bersebelahan dengan lot tepi dan diusahakan oleh pengusaha yang sama boleh dibenarkan dengan syarat keperluan kemudahan dan keluasan minimum telah dipatuhi.

Larangan ini tidak timbul bagi rumah sesebuah (banglo) atau berkembar (semi-detached) yang lazimnya mempunyai kawasan lapang yang mencukupi. Sila rujuk Jadual 4.0 dan 5.0 untuk keperluan keluasan ruang lantai minimum Tadika dan TASKA.



Premis di dua lot kediaman bersebelahan oleh pengusaha yang sama (Bandar Baru Bangi dan Putrajaya, 14 Julai 2011).



Tadika dan TASKA di lot tepi kediaman teres dilengkapi dengan kemudahan kawasan lapang dan tempat permainan (Putrajaya, 14 Julai 2011).

- c. Jarak di antara sebuah Tadika dan TASKA dengan yang lain hendaklah melebihi 400 meter bagi mengelakkan masalah kesesakan lalu lintas di dalam kawasan perumahan. Selain itu ia dapat membendung persaingan yang tidak sihat di antara pengusaha Tadika dan TASKA.
- d. Untuk kawasan perumahan pangsa termasuk pangsapuri, kondominium dan *service apartment*, Tadika dan TASKA hanya dibenarkan di aras bawah (ground floor) sahaja, manakala Tadika dan TASKA di rumah pangsa termasuk pangsapuri, kondominium dan *service apartment* bertiang juga hanya dibenarkan di aras bawah (ground floor) dan disyaratkan didirikan dinding dan mempunyai luas ruang lantai yang mencukupi. Sekiranya aras bawah digunakan untuk tempat letak kereta, Tadika dan TASKA boleh dibenarkan di aras pertama.



Tadika di unit aras bawah
rumah pangsa
(Putrajaya, 14 Julai 2011).



Unit aras bawah rumah pangsa
bertiang tanpa dinding tidak
dibenarkan untuk Tadika atau TASKA.

6. PERANCANGAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA


6.1 Perancangan Tapak

Pengusaha, pemaju, PBT dan agensi teknikal hendaklah mengenalpasti atau merancang tapak/premis Tadika dan TASKA berasaskan kepada cadangan pembangunan dalam Rancangan Pemajuan, bilangan penduduk, nisbah pengasuh, lokasi dan keadaan tapak.


6.1.1 Pematuhan Rancangan Pemajuan

Perancangan tapak kemudahan Tadika dan TASKA hendaklah selaras dengan cadangan dan strategi pembangunan dalam rancangan pemajuan iaitu RT dan RKK yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa negeri (PBN).

Sekiranya agensi pelaksana iaitu JPN dan JKM (TASKA Komuniti sahaja) tidak dapat menyediakan Tadika dan TASKA di tapak khas yang telah dikenal pasti di dalam RT dan RKK, agensi pelaksana tersebut perlu menyatakan justifikasi yang kukuh dan mencadangkan pihak yang akan membina Tadika dan TASKA di tapak tersebut. Sila rujuk perkara 8.1 bagi Tindakan dan Pelaksanaan Mengikut Rancangan Pemajuan dan Kebenaran Merancang.

Rajah 2.0: Lokasi Tadika Dalam Rancangan Pemajuan

Sumber: Draf Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020



Sumber: Draf Rancangan Kawasan Khas Pekan Kota Daerah Kuala Muda, Kedah

Jika tapak khas tidak dikenal pasti oleh RT atau RKK, PBT boleh mengenakan syarat penyediaan tapak khas untuk Tadika dan TASKA kepada pemaju semasa permohonan KM.

Selain itu, PBT boleh mengarahkan mana-mana pemaju melaksanakan satu daripada 3 pilihan dalam mengendalikan tapak khas iaitu:

- i. Meminta pemaju mendirikan bangunan Tadika dan TASKA di tapak khas yang telah dikenal pasti; atau
- ii. Meminta pemaju menyediakan tapak khas untuk Tadika dan TASKA serta diwartakan dan PBT akan menyerahkannya kepada JPN dan JKM (TASKA Komuniti sahaja) untuk dimajukan (rujuk perkara 8.1 bagi Tindakan dan Pelaksanaan Mengikut Rancangan Pemajuan dan KM); atau
- iii. Memberi pilihan kepada pemaju untuk menjual tapak khas yang disediakan kepada pihak lain untuk dimajukan sebagai Tadika dan TASKA. Namun begitu, PBT hendaklah memastikan bahawa pemilik baru tapak tersebut hanya boleh mendirikan Tadika dan TASKA sahaja mengikut pelan pengezonan kawasan sebagaimana terdapat dalam Rancangan Pemajuan atau kelulusan KM.

Melalui tiga pilihan ini, tapak khas dapat digunakan sepenuhnya dan penyediaan Tadika dan TASKA di kawasan kediaman dapat dielakkan.

6.1.2 Bilangan Unit Kediaman dan Nisbah Pengasuh

Perancangan Tadika dan TASKA adalah berdasarkan kepada bilangan penduduk seperti di Jadual 2.0.

Jadual 2.0: Nisbah Penyediaan Tadika dan TASKA Mengikut Bilangan Unit Kediaman

Bilangan	Bilangan Unit Kediaman
1 Tadika	200 unit rumah
1 TASKA	200 unit rumah

Nota: Penduduk Malaysia golongan umur 0-6 tahun adalah 10% daripada jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia, berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010.

Penentuan bilangan penduduk hendaklah mengambilkira struktur umur penduduk di sesuatu kawasan kejiranan. Kawasan kejiranan yang mempunyai majoriti kumpulan penduduk muda/kanak-kanak memerlukan lebih banyak Tadika dan TASKA berbanding kawasan kejiranan yang terdiri daripada majoriti penduduk warga emas.

Manakala bagi keperluan nisbah pengasuh dan kanak-kanak bagi operasi TASKA pula adalah mengikut keperluan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seperti di Jadual 3.0. Maklumat ini diperlukan semasa permohonan pendaftaran TASKA.

Jadual 3.0: Nisbah Pengasuh dan Kanak-Kanak

Kategori Kanak-Kanak	Umur Kanak-Kanak	Nisbah Pengasuh Kanak-Kanak Profesional
TASKA di Rumah/Tempat Kerja/Institusi/Bangunan Perniagaan/ Bangunan Berintergrasi dengan Kemudahan Masyarakat		
Kanak-Kanak	Baru Lahir - 1 tahun	1 pengasuh : 3 kanak-kanak
	1 - 3 tahun	1 pengasuh : 5 kanak-kanak
	3 - 4 tahun	1 pengasuh : 10 kanak- kanak
Kanak-Kanak OKU	Baru Lahir – 1 tahun	2 pengasuh : 3 kanak-kanak
	1 - 3 tahun	2 pengasuh : 5 kanak-kanak
	3 - 4 tahun	3 pengasuh : 10 kanak- kanak

Sumber: Diubahsuai daripada data Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011.

Nisbah guru bagi kanak-kanak di Tadika adalah 1 orang guru dan 1 orang pembantu pengurusan murid bagi setiap 25 orang murid⁴.



Bilangan guru bagi Tadika dan pengasuh bagi TASKA perlulah mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

⁴ Pernyataan Dasar Institusi Pendidikan Swasta, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012.

6.1.3 Lokasi dan Keadaan Tapak

- i. Perletakkan Tadika dan TASKA hendaklah dalam lingkungan 400 meter jarak berjalan kaki di dalam kawasan perumahan. Jalanan laluan pejalan kaki ke Tadika dan TASKA hendaklah tanpa melintasi jalan utama. Jika terdapat jalan yang perlu dilintasi, kemudahan seperti lintasan pejalan kaki, jejantas atau lampu isyarat hendaklah disediakan.



Kemudahan lintasan pejalan kaki di hadapan Tadika untuk tujuan keselamatan (Putrajaya, 14 Julai 2011).

- ii. Tapak kemudahan Tadika dan TASKA tidak dibenarkan di kawasan berpaya, berbukit dan bercerun curam⁵ serta kawasan berisiko bencana seperti hakisan, tanah runtuh serta banjir, berdekatan laluan talian rentis elektrik dan kawasan industri atau kilang berisiko tinggi.

⁵ Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi, JPBD SM, 2009.

- iii. Tadika dan TASKA tidak dibenarkan di sepanjang jalan atau berhampiran jalan utama untuk keselamatan kanak-kanak dan juga untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas.
- iv. Semua cadangan tapak Tadika dan TASKA hendaklah cekap, selamat dan efisien dari aspek sistem sirkulasi lalu lintas serta mempunyai tempat letak kereta yang mencukupi untuk memudahkan urusan menghantar dan mengambil kanak-kanak di samping menekankan aspek keselamatan.

6.2 Reka Bentuk Bangunan

Selain daripada aspek perancangan tapak, reka bentuk bangunan juga perlu diberi perhatian oleh pemaju atau pengusaha Tadika dan TASKA dengan mengambil kira kehendak-kehendak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Kesihatan dan memenuhi keperluan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 dan lain-lain garis panduan yang berkaitan khususnya:

- i. Keperluan keluasan lantai dan komponen kemudahan seperti yang ditetapkan.
- ii. Reka bentuk bangunan perlu mengambil kira keperluan semua golongan sama ada kanak-kanak, dewasa, tua dan golongan OKU (termasuk kanak-kanak OKU) bagi memberi kemudahan akses di dalam dan di luar bangunan. Kemudahan-kemudahan asas yang bercirikan reka bentuk sejagat (Universal Design)⁶ seperti *ramp* dan *handrail* hendaklah disediakan mengikut keperluan dan kesesuaian.

⁶ Sila rujuk Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design), JPBD SM, 2011.

- iii. Reka bentuk bangunan perlu mengambilkira keperluan Tadika dan TASKA yang terletak di aras pertama dibangunan 2 tingkat atau lebih, termasuk bangunan perniagaan di mana jalan keluar dan tangga kecemasan hendaklah disediakan.



Contoh Tadika di lot kediaman yang menyediakan tangga kecemasan (Bandar Baru Bangi, 14 Julai 2011).



Contoh Tadika di lot perniagaan yang tidak menyediakan tangga kecemasan (Putrajaya, 14 Julai 2011).

- iv. Bagi Tadika yang hendak dijalankan di kompleks atau lot-lot perniagaan, keperluan ruang permainan hendaklah disediakan bagi menggantikan kawasan lapang. Sila rujuk keperluan keluasan ruang lantai minimum pada Jadual 4.0.

6.2.1 Keluasan Ruang Lantai Minimum

a. Tadika

Keluasan ruang lantai minimum bagi Tadika yang beroperasi sama ada di tapak khas/bangunan khas, bangunan berintegrasi, tempat kerja, institusi dan kawasan kediaman (sekiranya perlu, dengan syarat yang ditetapkan) adalah 1,786kp (166mp) seperti di Jadual 4.0.

Jadual 4.0: Keluasan Ruang Lantai Minimum Tadika

Perkara	Komponen dan Keluasan (kp/mp)	
Keluasan Ruang Lantai Minimum	i. Keluasan per kanak-kanak : $15\text{kp}(1.4\text{mp}) \times 25\text{org} =$	$375\text{kp}(35\text{mp})$
	ii. Dapur	$= 48\text{kp}(4.5\text{mp})$
	iii. Tandas	$= 65\text{kp}(6\text{mp})$
	iv. Bilik Kakitangan	$= 218\text{kp}(20\text{mp})$
	v. Stor	$= 70\text{kp}(6.5\text{mp})$
	vi. Laluan	$= 210\text{kp}(20\text{mp})$
	Jumlah	$= 986\text{kp}(92\text{mp})$
Kawasan lapang/ruang permainan dan tempat letak kereta minimum	Kawasan lapang/ruang permainan	$= 538\text{kp}(50\text{mp})$
	Tempat letak kereta : $2\text{ TLK} \times 130\text{kp}(12\text{mp})$ ($2.4\text{m} \times 4.8\text{m}$)	$= 260\text{kp}(24\text{mp})$
	Jumlah	$= 800\text{kp}(74\text{mp})$
Jumlah kawasan keseluruhan		$1,786\text{kp}$ (166mp)

Sumber : Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JPBD SM, 2011.

Nota:

- Keperluan keluasan minimum 1.4mp (15kp) bagi setiap kanak-kanak.
- Anggaran maksimum 25 kanak-kanak per kelas.
- Keperluan TLK adalah mengikut Garis Panduan Tempat Letak Kereta(TLK) JPBD SM.
- Keperluan kawasan lapang mengikut Garis Panduan Kawasan Lapang JPBD SM.
- 1 tandas setiap 10 orang kanak-kanak.

b. TASKA

Keluasan ruang lantai minimum TASKA adalah bergantung kepada jumlah kanak-kanak di sesuatu TASKA mengikut jenis seperti berikut:

Jadual 5.0: Keluasan Ruang Lantai Minimum TASKA

Jenis TASKA	Keluasan Ruang Lantai Minimum
i. TASKA di Rumah	2.5mp(26.9kp)/kanak-kanak(ruang dapur, stor, tandas, bilik kakitangan dan tempat laluan tidak diambil kira).
ii. TASKA di Institusi	3.5mp(37.6kp)/kanak-kanak*(ruang dapur, stor, tandas, bilik kakitangan dan tempat laluan tidak diambil kira).
iii. TASKA di Tempat Kerja	
iv. TASKA Komuniti (TASKOM)	

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2011.

Nota: * Perkiraan 3.5mp/kanak-kanak adalah termasuk pembahagian ruang (mengikut keperluan) seperti sudut blok/binaan, mainan, lukisan/ kraftangan/pameran, prabacaan/pratulis/prasains/pramatematik, sudut kreatif, muzik dan ruang pergerakan bebas.

6.2.2 Pencahayaan dan Pengudaraan Semula jadi

Reka bentuk Tadika dan TASKA perlulah mengambil kira aspek pencahayaan dan pengudaraan semula jadi khususnya pada bangunan baru yang hendak dibina seperti mana yang dinyatakan di dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 dan juga kehendak-kehendak Jabatan Kesihatan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tiap-tiap bilik yang direkabentuk sebagai kelas hendaklah dilengkapi dengan pencahayaan dan pengudaraan semula jadi. Ini dibuat melalui satu atau lebih tingkap yang mempunyai jumlah keluasan tidak kurang daripada 20% daripada keluasan lega lantai bilik. Selain itu, ia hendaklah juga mempunyai ruang buka yang boleh membenarkan laluan udara secara

bebas dan tidak terganggu, yang tidak kurang daripada 10% daripada keluasan lega lantai itu.

6.2.3 Material dan Kemasan Dalam

Material dan kemasan dalaman bangunan hendaklah dari bahan yang tidak membahayakan dan selamat digunakan, contohnya, bilik air hendaklah dibina dengan lantai yang tidak menakung air dan daripada material yang tidak licin. Kemudahan yang disediakan juga perlulah mengikut had ketinggian yang bersesuaian untuk kegunaan kanak-kanak.



Kemasan binaan dan kemudahan yang disediakan perlulah peka terhadap keperluan dan keselamatan kanak-kanak.



7. PROSES PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA

Terdapat dua proses penubuhan Tadika dan TASKA iaitu proses Tanpa Kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan dan melalui Proses Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan.

Namun begitu, sebelum mengemukakan permohonan bagi penubuhan Tadika dan TASKA, pemohon hendaklah terlebih dahulu mendaftarkan perniagaan/syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan menjalani Kursus Latihan Pengendali Makanan anjuran KKM dan Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (KAAK) anjuran JKM. Pemohon juga perlu memastikan setiap pekerja di bawah jagaannya menghadiri kursus KAAK.

Tindakan seterusnya melibatkan 3 aktiviti utama iaitu Permohonan KM mengikut peruntukan subseksyen 22(3)⁷ dan subseksyen 22(5)⁸ Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] dan Pelan Bangunan (kecuali di tapak khas yang telah didirikan bangunan), Pendaftaran Tadika dan TASKA dan Permohonan Lesen Premis Perniagaan seperti di Rajah 3.0 dan Rajah 4.0. Permohonan-permohonan ini hanya perlu menggunakan satu (1) borang yang telah diselaraskan seperti di Lampiran.

⁷ Subseksyen 22(3) - Selepas memberi pertimbangan kepada perkara yang dinyatakan dalam subseksyen (2) iaitu dalam menguruskan permohonan untuk KM, pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) hendaklah memberi pertimbangan kepada perkara-perkara yang difikirkan adalah suai manfaat atau perlu untuk merancang dengan wajar. PBPT boleh, tertakluk kepada subseksyen (4), iaitu memberi KM sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada syarat yang difikirkannya patut dikenakan, atau enggan memberi KM.

⁸ Subseksyen 22(5)(a) - KM yang diberikan dengan apa-apa perubahan mengenai penggunaan tanah atau bangunan adalah hanya untuk suatu tempoh yang terhad dan bahawa, selepas tamat tempoh itu, penggunaan tanah atau bangunan itu sebagaimana yang dibenarkan oleh KM itu hendaklah terhenti dan tanah atau bangunan itu hendaklah dikembalikan kepada kegunaanya yang asal.

7.1 Tidak Perlu Melalui Proses Kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan

Proses Penubuhan Tadika dan TASKA Di Tapak Khas Yang Telah Didirikan Bangunan

Untuk cadangan Tadika dan TASKA di tapak khas yang telah didirikan bangunan, pemohon tidak perlu lagi melalui proses permohonan KM dan pelan bangunan. Oleh itu, hanya perlu melalui proses permohonan pendaftaran dan permohonan lesen premis perniagaan dalam tempoh 7 hari. Rujuk Rajah 3.0.

7.2 Melalui Proses Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan

i. Di Tapak Khas Yang Belum Didirikan Bangunan

Untuk cadangan Tadika dan TASKA di tapak khas yang belum didirikan bangunan, pemohon perlu melalui proses permohonan KM⁹ dan Pelan Bangunan, permohonan pendaftaran dan permohonan lesen premis perniagaan dalam tempoh 21 hari tidak termasuk tempoh pembinaan (Rujuk Rajah 4.0).

Untuk Perkara 7.1 dan 7.2, bangunan Tadika dan TASKA boleh disediakan oleh agensi kerajaan, pemaju atau individu.

ii. Di Kawasan Kediaman

Untuk cadangan Tadika dan TASKA di kawasan kediaman, pemohon perlu memohon KM¹⁰ dan Pelan Bangunan, permohonan pendaftaran dan permohonan lesen premis perniagaan dalam tempoh 21 hari tidak

⁹ Subseksyen 21 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].


¹⁰ Subseksyen 22(3) dan 22(5) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

termasuk tempoh pembinaan bagi pengubahsuaian mendirikan tangga kecemasan (Rujuk Rajah 4.0).


iii. Di Tempat Kerja/Institusi/Bangunan Perniagaan dan Bangunan Berintegrasi dengan Kemudahan Masyarakat

Untuk cadangan Tadika dan TASKA di tempat kerja, institusi, bangunan perniagaan dan bangunan berintegrasi dengan kemudahan masyarakat, pemohon perlu melalui proses permohonan KM dan Pelan Bangunan, permohonan pendaftaran dan permohonan lesen premis perniagaan dalam tempoh 21 hari tidak termasuk tempoh pembinaan atau pengubahsuaian (Rujuk Rajah 4.0).

Rajah 3.0: Tidak Perlu Melalui Proses Kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan



Rajah 4.0: Melalui Proses Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan



8. TINDAKAN DAN PELAKSANAAN

8.1 Tindakan dan Pelaksanaan Mengikut Rancangan Pemajuan dan Kebenaran Merancang (KM)

Bagi penyediaan Tadika dan TASKA di tapak khas yang telah dikenalpasti oleh RT dan RKK yang belum didirikan bangunan dan telah mendapat kelulusan KM, pemaju, PBT, Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan agensi pelaksana iaitu JPN dan JKM (Tadika Komuniti) perlu memberi perhatian terhadap perkara berikut:

- i. PBT hendaklah memaklumkan kelulusan KM kepada pemaju, JPBD Negeri, PTG serta mengemukakan salinan pelan susunatur yang telah diluluskan semasa KM kepada agensi pelaksana untuk tindakan pemajuan;
- ii. Pemaju perlu membuat serahan tapak tersebut mengikut permohonan melalui Borang 12A [Permohonan Untuk Penyerahan Balik Tanah (Mengenai Kesemua Tanah Itu)] atau 12B [Permohonan Untuk Penyerahan Balik Tanah (Mengenai Sebahagian Daripada Tanah Itu Sahaja)] atau 12D [Permohonan Untuk Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula] di bawah Kanun Tanah Negara;
- iii. Agensi pelaksana perlu mengemukakan permohonan melalui Persuruhjaya Tanah Persekutuan sama ada bagi pemberimilikan/pengambilan balik;
- iv. Agensi pelaksana berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri serta memohon peruntukan bagi pemilikan tapak. Kos pemilikan tanah adalah melalui bayaran premium (jika tanah kerajaan) dan mengikut harga pasaran (jika tanah individu);

- v. PTG mengambil tindakan untuk warta/pemberimilikan tanah bagi Tadika dan TASKA dan membuat pemberitahuan melalui pewartaan kepada JPBD Negeri dan PBT;
- vi. Agensi pelaksana dengan bantuan peruntukan dari kementerian masing-masing membina bangunan Tadika dan TASKA; dan
- vii. Agensi pelaksana perlu menentukan peruntukan/kos pemantauan dan penyelenggaraan bangunan Tadika dan TASKA.

8.2 Tindakan dan Pelaksanaan Lain Yang Perlu Diberi Perhatian

- i. Pembinaan bangunan Tadika dan TASKA perlu mendapatkan Sijil Siap dan Pematuhan [Completion and Compliance Certificate (CCC)]. Walau bagaimanapun, projek-projek yang diurus dan diselikan oleh JKR boleh dikecualikan daripada mendapatkan CCC, namun kesemua pelan yang berkaitan dengan pembinaan Tadika dan TASKA tersebut hendaklah dikemukakan kepada PBT untuk direkodkan.
- ii. Di peringkat pembinaan, pemaju atau Pengurus Hartanah bertanggungjawab untuk memastikan kualiti, keselamatan dan kredibiliti Tadika dan TASKA terjamin.
- iii. Di peringkat operasi, adalah menjadi tanggungjawab pengusaha untuk memastikan pengurusan dan penyelenggaraan premis Tadika dan TASKA sentiasa di dalam keadaan selamat, bersih dan selesa.
- iv. Penguatkuasaan dasar, polisi dan pemantauan premis berkaitan perkhidmatan Tadika dan TASKA adalah di bawah tanggungjawab JPN, JKM dan KKM dengan dibantu oleh PBT berkaitan bagi pemantauan premis tersebut.

- v. Pengeluaran sijil pendaftaran untuk Tadika dan TASKA adalah di bawah tanggungjawab JPN dan JKM masing-masing.

9. KADAR BAYARAN FI PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA

Bayaran fi penubuhan Tadika dan TASKA melibatkan 3 fi utama iaitu:

- i. Fi KM dan Pelan Bangunan;
- ii. Lesen Premis Perniagaan; dan
- iii. Fi Pendaftaran Tadika dan TASKA.

9.1 Kadar Bayaran Fi KM dan Pelan Bangunan

Jadual 6.0: Kadar Bayaran Fi KM dan Pelan Bangunan

Bil	Jenis Permohonan	Kadar Bayaran Mengikut Kategori PBT		
		Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
1.	Kebenaran Merancang	RM150.00 setiap permohonan	RM100.00 setiap permohonan	RM70.00 setiap permohonan
2.	Pelan Bangunan	RM100.00 bagi setiap permohonan	RM90.00 bagi setiap permohonan	RM80.00 bagi setiap permohonan
JUMLAH		RM250.00	RM190.00	RM150.00

Sumber: Hasil perbandingan antara PBT – Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Daerah Rompin dan Majlis Daerah Sabak Bernam.

Nota: Tempoh sah KM & Pelan Bangunan adalah 2 tahun dan boleh diperbaharui.

9.2 Kadar Bayaran Fi Pendaftaran Tadika dan TASKA

Jadual 7.0: Kadar Bayaran Fi Pendaftaran Tadika dan TASKA

Bil	Jenis	Kadar Bayaran	
1.	Tadika	Permohonan Baru (Sah 5 tahun)	RM150.00 - Proses Pendaftaran Tadika RM50.00 - Perakuan Pendaftaran RM50.00 - Pendaftaran seorang pengelola RM20.00 - Pendaftaran seorang guru RM20.00 - Pendaftaran seorang pekerja RM10.00
		Pembaharuan Pendaftaran (Sah 5 tahun)	RM100.00 - Perakuan Pendaftaran RM50.00 - Pendaftaran seorang pengelola RM20.00 - Pendaftaran seorang guru RM20.00 - Pendaftaran seorang pekerja RM10.00
2.	TASKA	Permohonan Baru (Sah 5 tahun)	RM 300.00 - Fi proses RM50.00 - Perakuan Pendaftaran RM250.00
		Pembaharuan Pendaftaran (Sah 5 tahun)	RM 280.00 - Fi proses RM30.00 - Perakuan Pendaftaran RM250.00

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JPBD SM, 2011.

9.3 Kadar Bayaran Lesen Premis Perniagaan

Jadual 8.0: Kadar Bayaran Lesen Premis Perniagaan

Bil	Jenis Permohonan Lesen	Kadar Bayaran Mengikut Kategori PBT		
		Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
1.	Perniagaan	RM50.00 setiap permohonan	RM35.00 setiap permohonan	RM25.00 setiap permohonan
2.	Iklan	RM80.00		

Sumber: Hasil Perbandingan antara PBT – Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Kuantan dan Majlis Daerah Cameron Highlands.

Nota: Lesen yang telah diluluskan sah bagi tempoh 1 tahun dan maksimum 3 tahun serta boleh diperbaharui.

Jadual 9.0: Jumlah Keseluruhan Fi Penubuhan Tadika dan TASKA

JENIS	TADIKA			TASKA		
	Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah	Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
Fi KM dan Pelan Bangunan	RM250.00	RM190.00	RM150.00	RM250.00	RM190.00	RM150.00
Fi Pendaftaran Tadika dan TASKA	RM150.00	RM150.00	RM150.00	RM300.00	RM300.00	RM300.00
Lesen Premis Perniagaan	RM 130.00	RM115.00	RM105.00	RM 130.00	RM115.00	RM105.00
Jumlah Keseluruhan	RM530.00	RM455.00	RM405.00	RM680.00	RM605.00	RM555.00

Sumber : Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JPBD SM, 2011.

Nota: Fi adalah tidak termasuk fi profesional perunding bagi penyediaan pelan KM dan pelan bangunan.

10. PENUTUP

Penyediaan Garis Panduan ini dijangka akan dapat mempermudah dan mempercepatkan proses pendaftaran dan pelesenan operasi pengusaha Tadika dan TASKA, di samping menjamin keselamatan kanak-kanak di dalam proses pengasuhan dan pembelajaran prasekolah yang berkualiti.

Garis Panduan ini telah memberi penekanan terhadap keperluan penyediaan Tadika dan TASKA di tapak khas. Walaubagaimanapun penyediaan Tadika dan TASKA di kawasan kediaman adalah dibenarkan, sekiranya perlu. Garis panduan ini juga menetapkan supaya permohonan bagi penubuhan Tadika dan TASKA hendaklah melalui kaunter pusat setempat (OSC) di PBT yang mana proses kerja di OSC perlu diselaraskan dan mengikuti senarai semak yang telah diseragamkan. Namun begitu, agensi teknikal berkaitan masih bertanggungjawab terhadap operasi dan pemantauan Tadika dan TASKA mengikut bidang kuasa masing-masing.

Bagi jangka masa panjang, Tadika dan TASKA hendaklah dilihat sebagai entiti sosial dan bukannya perniagaan kerana ia menawarkan pendidikan awal kanak-kanak sebagai persediaan ke alam persekolahan sebenar. Oleh itu, aspek perundangan dan peraturan berkaitan, khususnya perihal tanah hendaklah diperkasakan semula.

Adalah menjadi hasrat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia agar Garis Panduan yang digubal ini dapat memandu pihak-pihak terlibat termasuk pengusaha, PBT dan agensi bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan Tadika dan TASKA.

RUJUKAN

1. Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56].
2. Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 [Akta 172].
3. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].
4. Akta Perkhidmatan Bomba 1998 [Akta 341].
5. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 [UKBS, 1984].
6. Akta Pelajaran 1961 [P.U.(A)414/72].
7. Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
8. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308].
9. Akta Pengambilan Tanah [Akta 486].
10. Akta Makanan 1983 [Akta 281].
11. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
12. Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010.
13. Jabatan Kebajikan Masyarakat (2010), Garis Panduan TASKA Komuniti.
14. NKEA Business Services Lab, Enabler: Increasing Skilled Resources In The Service Sector, 2010.
15. Peraturan-Peraturan Pendidikan 1997 & 1998.
16. Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Di Institusi) 1985
17. Peraturan-Peraturan Makanan 1985.
18. Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.
19. Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bilangan 6 Tahun 2011; Garis Panduan Penambahbaikan Pengeluaran Lesen Perniagaan dan Lesen Komposit Hotel (Pindaan 2011), 8 Julai 2011.

BORANG PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN BANGUNAN,
PENDAFTARAN, LESEN PREMIS PERNIAGAAN
UNTUK PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA



JENIS PERMOHONAN

TADIKA

TASKA

BAHAGIAN I
MAKLUMAT PEMOHON

1. NAMA

:

2. NO. KAD PENGENALAN

:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

3. WARGANEGARA

:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

4. BANGSA

:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

5. ALAMAT SURAT-MENYURAT

:

6. NO. TELEFON

:

(R)

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

(H/P)

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA

7.	SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN DAN SYARIKAT	:	<table border="1"><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td><td></td></tr></table>																																																	
8.	KELAYAKAN AKADEMIK (sila lampirkan salinan sijil dan semua salinan sijil hendaklah disahkan)																ADA	TIADA																																		
	▪ SPM / MCE, STP / STPM / HSC																☐	☐																																		
	▪ Sijil Maktab Perguruan																☐	☐																																		
	▪ Ijazah / Diploma																☐	☐																																		
	▪ Sijil lain (jika ada)																☐	☐																																		
9.	SURAT AKUAN DOKTOR																☐	☐																																		
10.	KELULUSAN KAAK (TASKA)																☐	☐																																		
11.	KELULUSAN KURSUS LATIHAN PENGENDALI MAKANAN (KKM)																☐	☐																																		

Nota: Jika tidak melibatkan Permohonan KM dan Pelan Bangunan, sila terus ke Bahagian III.

GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA

BAHAGIAN II

A. PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG DAN PELAN BANGUNAN

1. KATEGORI PERMOHONAN :

☐

Di Tapak Khas Yang Belum Didirikan Bangunan

☐

Di Tempat Kerja/Institusi/Bangunan Perniagaan/
Bangunan Berintergrasi Dengan Kemudahan
Masyarakat*

☐

Di Premis Kediaman
(Sesebuah/Berkembar/Teres)*

2. NO.GERAN/NO.PAJAKAN/ NO. HAKMILIK SEMENTARA :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

3. ALAMAT TAPAK/PREMIS :

B. SENARAI SEMAK

- Tandakan (/) dalam kotak berkenaan
- Permohonan tuan/puan tidak akan diterima sekiranya dokumen yang dilampirkan tidak lengkap atau tidak memenuhi keperluan di bawah.

	ADA	TIADA
1. Surat Permohonan Rasmi Dari Pemohon	☐	☐
2. Surat Kebenaran Dari Pemilik Rumah/Power Of Attorney (Jika Menyewa Premis) Termasuk Kebenaran Mengubahsuai Premis	☐	☐
3. Pelan Cadangan:		
i. Pelan lokasi tapak	☐	☐
ii. Pelan bangunan asal, pelan ubahsuai/pelan lantai yang menunjukkan ruang lantai bagi setiap kegunaan:	☐	☐
a. Tadika –1.4mp/kanak-kanak	☐	☐

* - Potong mana yang tidak berkenaan.

GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA

	ADA	TIADA
b. TASKA	☐	☐
- 2.5mp/kanak-kanak (TASKA di Rumah)	☐	☐
- 3.5mp/kanak-kanak (TASKA di Institusi, Tempat Kerja dan TASKOM)	☐	☐
c. Memenuhi keperluan UKBS 1984 iaitu jalan keluar dan tangga (bagi bangunan bertingkat)	☐	☐
iii. Pelan lokasi lot penduduk-penduduk berjiran beserta senarai nama pemilik	☐	☐
4. Surat Perjanjian Sewa/Jual Beli	☐	☐
5. Surat Persetujuan Jiran Berhampiran Dalam Lingkungan 20 Meter Dari Premis Dan 200 Meter Bagi Premis Di Jalan Mati	☐	☐
<i>Nota: Jika pemohon tidak menyertakan surat sokonganjiran berhampiran, PBT akan membuat notis kepada pemunya tanah berjiran/mengarahkan pemohon membuat notis tersebut dalam tempoh 21 hari.</i>		
6. Resit Cukai Tanah Terbaru	☐	☐
7. Resit Cukai Taksiran Terbaru	☐	☐
8. Gambar Luar, Dalam Premis Dan Gambar Tapak (Saiz 3R)	☐	☐
9. Bilik Isolasi/Ruang Isolasi	☐	☐
10. Tempat Penyimpanan Bahan Kimia Yang Khusus	☐	☐
11. Sinki Untuk Mencuci Tangan	☐	☐
12. Pencahayaan Yang Mencukupi (>200 Lux)	☐	☐
13. Pencahayaan Semulajadi Yang Mencukupi (Luas Bukaian Tingkap $\geq$ 10% Daripada Keluasan Lantai)	☐	☐
14. Memasang Penghadang Di: (TASKA Sahaja)		
- Pintu Dapur	☐	☐
- Tangga	☐	☐
15. Ruang Khusus Untuk Penyediaan Susu/Makanan	☐	☐
16. Stor/Tempat Penyimpanan Bahan Makanan Kering Dan Selamat (Bebas Daripada Lipas, Lalat Dan Tikus - LILATI)	☐	☐

GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA

BAHAGIAN III

A. MAKLUMAT PERMOHONAN PENDAFTARAN DAN LESEN PREMIS PERNIAGAAN

1. NAMA TADIKA/TASKA

:

2. ALAMAT TADIKA/TASKA

:

3. NO. TELEFON

:

(R)

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

(H/P)

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

4. STATUS

☐ Kerajaan

☐ Swasta/Persendirian

5. JENIS PERMOHONAN

☐ Pendaftaran Baru (Belum beroperasi)

☐ Pendaftaran Baru (Sudah beroperasi)

☐ Pembaharuan Pendaftaran

6. NO. PENDAFTARAN PERNIAGAAN/ SYARIKAT

:

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

7. LOKASI PREMIS

☐ Taman / Kawasan Perumahan

☐ Kawasan Pejabat

☐ Lain-lain (nyatakan) _____

8. HAKMILIK PREMIS

☐ Sendiri

☐ Sewa

GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA

	ADA	TIADA
9. Bukti Permohonan Kebenaran Merancang/Tukarguna Bangunan (Jika Berkaitan)	☐	☐
10. Sijil Siap Dan Pematuhan (CCC) Bagi Pembinaan Bangunan Baru/Pengubahsuaian (Jika Berkaitan)	☐	☐
11. Lakaran Visual Papan Iklan Dalam Ukuran Meter	☐	☐

B. SENARAI SEMAK

- Tandakan (√) dalam kotak berkenaan.
- Permohonan tuan/puan tidak akan diterima sekiranya dokumen yang dilampirkan tidak lengkap atau tidak memenuhi keperluan di bawah.

KHUSUS	ADA	TIADA
Jabatan Kebajikan Masyarakat (TASKA) / Jabatan Pelajaran Negeri (Tadika)		
1. Penyelia / Pembantu Guru		
▪ Berusia 18 tahun ke atas	☐	☐
▪ Lulus Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)	☐	☐
▪ Sihat tubuh badan	☐	☐
▪ Kelayakan akademik		
(sila lampirkan salinan sijil dan semua salinan sijil hendaklah disahkan)		
- SPM / MCE, STP / STPM / HSC	☐	☐
- Sijil Maktab Perguruan	☐	☐
- Ijazah / Diploma	☐	☐
- Sijil lain (jika ada)	☐	☐
2. Pengasuh (TASKA) / Guru (Tadika)		
▪ Warganegara Malaysia (TASKA) dan berusia 18 tahun ke atas	☐	☐
▪ Wanita sahaja (TASKA)	☐	☐
▪ Lulus Kursus Asas Asuhan Kanak-Kanak	☐	☐
▪ Mempunyai kebolehan dan keupayaan untuk mengasuh kanak-kanak	☐	☐
▪ Berdaftar sebagai pengasuh berdaftar	☐	☐
▪ Sihat tubuh badan	☐	☐
▪ Mendapat suntikan pelalian	☐	☐
▪ Menjalani pemeriksaan perubatan secara berkala	☐	☐

GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA

- Nisbah pengasuh dan kanak-kanak (TASKA):

Kategori	Umur	Bilangan (orang)	
		Pengasuh	Kanak-kanak
Kanak-Kanak	Baru Lahir - 1 tahun		
	1 tahun - 3 tahun		
	3 tahun - 4 tahun		
Kanak-Kanak OKU	Baru Lahir - 1 tahun		
	1 tahun - 3 tahun		
	3 tahun - 4 tahun		

ADA	TIADA
☐	☐

- Nisbah kelas dan bilangan pelajar (Tadika):

Bilangan kelas: _____ Bilangan pelajar: _____ orang

☐	☐
--------------------------	--------------------------

- Jadual aktiviti harian mengikut peringkat umur:

- Baru lahir hingga 1 tahun
- 1 hingga 3 tahun
- 3 hingga 4 tahun

☐	☐
☐	☐
☐	☐

- Perancangan Aktiviti Penglibatan Ibu-Bapa

- Jadual Menu Harian Mengikut Peringkat Umur:

- Baru lahir hingga 6 bulan (Jadual penyusuan)
- 6 bulan hingga 1 tahun
- 1 hingga 3 tahun
- 3 hingga 4 tahun

☐	☐
☐	☐
☐	☐
☐	☐

Jabatan Bomba dan Penyelamat

Syarat-syarat Keselamatan

ADA	TIADA
-----	-------

- Adakan lampu tanda 'KELUAR' kecemasan yang menggunakan dua kuasa karan. Lampu-lampu tersebut hendaklah dari jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.
- Adakan lampu kecemasan yang menggunakan dua kuasa karan dan lampu-lampu tersebut hendaklah dari jenis yang dibenarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.
- Adakan 2 x 6kg alat pemadam api jenis debu kering.

☐	☐
☐	☐
☐	☐

GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA

Jabatan Kesihatan Awam

I. Personel

	ADA	TIADA
1. Semua Pengusaha/Pengasuh/Guru/Penyelia Telah Menjalani Pemeriksaan Kesihatan Dan Disahkan Sihat (TB/HIV/Penyakit Berjangkit/Tiada Masalah Kesihatan Mental).	☐	☐
2. Semua Pengusaha/Pengasuh/Guru/Penyelia Telah Mengambil Pelalian Penyakit Demam Kepialu (Typhoid).	☐	☐
3. Semua Pengusaha/Pengasuh/Guru/Penyelia Telah Menjalani Kursus Latihan Pengendali Makanan (LPM).	☐	☐

II. Dalaman

1. Kawasan Dalaman Dalam Keadaan Kemas Dan Bersih.	☐	☐
2. Pencahayaan Yang Mencukupi (> 200 Lux)	☐	☐
3. Pencahayaan Semulajadi Yang Mencukupi:	☐	☐
- luas bukaan tingkap > 10% daripada keluasan lantai		
4. Pengudaraan Semulajadi Yang Mencukupi:	☐	☐
- luas bukaan tingkap > 10% daripada keluasan lantai		

III. Luaran

1. Meletakkan Papan Tanda DILARANG MEROKOK Di Pintu Pagar Masuk (Saiz Minimum Hendaklah 40 Sm Lebar Dan 50 Sm Panjang).	☐	☐
2. Tidak Berada Di Dalam Bangunan Kilang.	☐	☐
3. Kawasan Luaran Berada Di Dalam Keadaan Bersih Dan Bebas Daripada LILATI Dan Nyamuk.	☐	☐
4. Mempunyai Jadual Penyelenggaraan.	☐	☐
5. Peralatan Permainan Di Kawasan Halaman Yang Selamat (Tiada Bucu Tajam).	☐	☐
6. Kawasan Luaran Di Dalam Keadaan Kemas Dan Bersih.	☐	☐

IV. Penubuhan Bangunan

1. Cat Dinding Tidak Dari Jenis Yang Mudah Tanggal.	☐	☐
2. Menyediakan Ruang Pengasingan Untuk Kes Penyakit Berjangkit/Ruang Isolasi		
3. Bilik Air Bersih Dan Selamat.		
- Lantai tidak menakung air.	☐	☐
- Lantai tidak dibina daripada bahan yang licin.	☐	☐
- Menyediakan Jadual pembersihan.	☐	☐
4. Ruang Dapur Yang Bersih Dan Selamat.		
- Lantai tidak dibina daripada bahan yang licin.	☐	☐
- Peralatan tajam disimpan ditempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.	☐	☐
- Perkakas dapur disusun dengan kemas.	☐	☐

GARIS PANDUAN PENUBUHAN TADIKA DAN TASKA

	ADA	TIADA
5. Menyediakan Tandas Yang Sesuai		
- Tempat membuang lampin pakai buang / tong sampah bertutup dan berplastik di dalam tandas.		
- Fasiliti sanitasi disediakan (sabun, tisu/tuala, dll.)		
- Menyediakan Jadual Pembersihan Tandas.		
6. Menyediakan Ruang Khusus Untuk Penyediaan Susu/Makanan.		
7. Menyediakan Stor/Tempat Penyimpanan Bahan Makanan Kering Dan Selamat (Bebas Daripada Lipas, Lalat Dan Tikus (LILATI).		
8. Memasang Pengadang Di Pintu Dapur Dan Tangga.		
<u>V. Peralatan</u>		
1. Menyediakan Peti Pertolongan Cemas.		
2. Peti Sejuk Yang Berfungsi.		
3. Menggunakan Peralatan Yang Selamat (Perabot, Permainan Dll).		
- Mudah dibersihkan.		
- Tiada bucu tajam.		
- Tiada pewarna yang tidak selamat (mudah tanggal).		
4. Menyediakan Tempat Simpanan Khusus Untuk Barang Permainan.		
5. Menyediakan Bekas Pembuangan Sampah Bertutup Dan Berplastik Di Dalamnya.		
6. Sinki Untuk Mencuci Tangan.		
- Fasiliti Sanitasi Disediakan (Sabun, Tisu/Tuala, Dll.)		
<u>VI. Prosedur</u>		
1. Menyediakan Jadual Disinfeksi (HFMD).		
2. Menyediakan Jadual Menu Harian.		
3. Menyediakan Senarai Pembekal Sumber Bahan Mentah Harian.		
4. Menyediakan Tatacara Pengendalian Wabak.		
5. Menyediakan Tatacara Pengendalian Sekiranya berlaku Kecemasan:		
- Senarai Nombor Telefon Kecemasan.		
- Senarai Nombor Telefon Ibu Bapa.		
6. Mempunyai Buku Daftar Pelawat.		

Nota: Senarai Semak Jabatan Kesihatan juga akan digunakan semasa pemantauan operasi Tadika/TASKA setiap 6 bulan.

ULASAN KESELURUHAN

.....
.....
.....
Tarikh Pemeriksaan :
Nama Pemeriksa :
.....
Jawatan :
.....
Tandatangan dan Cop Rasmi :
Nota:
1) Sokongan akan diberikan dalam tempoh **14 hari bekerja** selepas permohonan diterima.
2) Sokongan hanya akan diberikan sekiranya semua kehendak kesihatan dalam senarai semak di atas dilaksanakan.

BAHAGIAN IV

BAYARAN

Saya bersama ini menyerahkan bayaran sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia
.....) sebagaimana yang ditetapkan
atas nama Datuk Bandar/Yang DiPertua

Tarikh :

Tandatangan Pemohon :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

NO. RUJUKAN/PERMOHONAN :

TARIKH :

DISEMAK OLEH :

JAWATAN :

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

Tel: 03-2081 6000
Faks: 03-2094 1170

<http://www.townplan.gov.my>



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur

ISBN 978-983-2839-34-7

